



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

Bil. 1 / 2020

### **PEMAKLUMAN HARI PENAMAAN CALON PILIHAN RAYA KECIL (PRK) PARLIMEN P.176 KIMANIS, SABAH**

1. Untuk Pilihan Raya Kecil (PRK) P.176 Kimanis, tarikh Hari Penamaan Calon adalah pada 4 Januari 2020 (Sabtu). Pusat Penamaan Calon telah ditetapkan di **Dewan Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun Banir, Beaufort, Sabah**.
2. Pada Hari Penamaan Calon, kertas penamaan calon boleh dikemukakan antara jam **9.00 pagi sehingga 10.00 pagi** kepada Pegawai Pengurus Pilihan Raya oleh pihak-pihak berikut:
  - i) calon, pencadang dan penyokong; atau
  - ii) mana-mana dua orang daripada mereka; atau
  - iii) mana-mana seorang daripada mereka.
3. Sekiranya mana-mana bakal calon telah membayar Deposit Pilihan Raya terlebih dahulu, perlu diingatkan bahawa resit pembayaran tersebut hendaklah dibawa pada Hari Penamaan Calon sebagai bukti bayaran.
4. Bagi calon yang mewakili mana-mana parti politik, adalah diingatkan bahawa surat kebenaran untuk menggunakan simbol parti yang diwakili hendaklah dikemukakan semasa menyerahkan Kertas Penamaan Calon.

5. SPR berhasrat agar proses penamaan calon berjalan lancar tanpa apa-apa insiden tidak baik, khususnya yang boleh mengganggu ketenteraman awam. SPR menyeru kepada semua calon dan parti-parti politik yang terlibat agar sentiasa mematuhi undang-undang, peraturan, tata etika dan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh SPR, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada Hari Penamaan Calon.

6. Perhatian khusus perlu diberikan kepada peruntukan di bawah Seksyen 24A Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5] mengenai larangan semasa Hari Penamaan Calon. Antara lainnya, penggunaan apa-apa alat muzik ataupun pembesar suara bagi tujuan diayah politik melalui apa-apa cara termasuk menerusi penggunaan kenderaan dan vesel tidak dibenarkan dan merupakan satu kesalahan.

7. Orang ramai serta penyokong-penyokong parti politik dilarang menunggu atau berada dalam **jarak 50 meter** dari sempadan pusat penamaan calon. Jika ada mana-mana pihak yang melanggar peruntukan seksyen ini, pihak polis tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sepatutnya.

8. Parti-parti politik yang terlibat bertanggungjawab untuk mengawal penyokong masing-masing pada setiap masa bagi menjamin proses penamaan calon berjalan lancar dan berlangsung dalam suasana yang selesa dan aman.

Sekian, terima kasih.

  
**DATUK AZHAR AZIZAN HARUN**  
Pengerusi  
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia  
Tarikh : 2 Januari 2020 / 6 Jamadilawal 1441H